

**SOALAN NO. : 54**

**DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS  
[BETONG]**

**TARIKH : 27 JULAI 2017**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta MENTERI SUMBER  
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sejauh manakah perkembangan  
usaha ke arah matlamat mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau  
("Green House Gas") sebanyak 45% menjelang 2030 yang Malaysia janjikan  
di COP 21.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah meratifikasikan Perjanjian Paris pada 16 November 2016. Antara tindakan susulan Perjanjian Paris yang perlu dilaksanakan adalah menyediakan dan mengemukakan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (greenhouse gases – GHG) yang dikenali sebagai Nationally Determined Contributions (NDC) setiap 5 tahun sekali. NDC merupakan sumbangan negara kepada usaha global untuk menangani impak perubahan iklim.

Menurut NDC tersebut, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 45% berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang tahun 2030. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (*unconditional*) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (*conditional*) dan tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mencapai sasaran NDC negara, Kerajaan sedang membangunkan *Roadmap for Effective Implementation of NDC and Adoption to the Paris Agreement*. Roadmap ini dibangunkan untuk mengenalpasti strategi,

kaedah, dan keperluan pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi oleh pelbagai sektor berkaitan bagi mencapai sasaran NDC negara.

Dalam masa yang sama, bagi mencapai sasaran NDC negara, kerajaan melalui kementerian dan agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan GHG di bawah sektor-sektor utama GHG negara seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian seperti berikut:

- a. Menggalakkan penjanaan tenaga elektrik boleh diperbaharui melalui mekanisme *Feed-in Tariff* (FIT);
- b. Melesenkan penjanaan tenaga elektrik boleh diperbaharui di luar mekanisme FIT;
- c. Menggalakkan pembangunan loji biogas di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP);
- d. Menggalakkan aktiviti kitaran semula bagi mengelakkan penjanaan dan pelepasan gas metana akibat daripada pembuangan sisa organik di dalam tapak pelupusan;
- e. Mempertingkatkan kawasan hutan simpan yang mampu menyerap gas rumah kaca;
- f. Membangunkan sistem pengangkutan awam darat berunsurkan rel;

- g. Menggalakkan penggunaan gas asli sebagai bahan api kenderaan pengangkutan awam;
- h. Membangunkan program bio-diesel B5;
- i. Mewujudkan dan menggalakkan penggunaan sistem pengiktirafan kecekapan bangunan;
- j. Menggalakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicles – EEVs*);
- k. Menetapkan sasaran pengurangan penggunaan tenaga 5% oleh bangunan-bangunan kerajaan; dan
- l. Menggalakkan penggunaan teknologi hijau menerusi program (*Green Technology Financing Scheme – GTFS*)

Inisiatif-inisiatif ini menyumbang secara langsung kepada sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG di dalam NDC negara.

Sekian, terima kasih.